



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

01 Zulkaedah 1443 / 01 Jun 2022

- I. Hari ini, Rabu, 01 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 01 Jun 2022, sebanyak **296 kes baru** telah dilaporkan iaitu 295 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 162 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **148,970** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
 - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Manakala **1 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sebanyak **210 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **147,064 kes**.
 - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,683 kes** iaitu 5 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,678 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

2. Oleh kerana semua pusat vaksinasi tidak beroperasi semalam, statistik terkini program vaksinasi kekal seperti yang dinyatakan di dalam Sidang Media semalam iaitu 81.0% kanak-kanak di dalam kumpulan umur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos pertama vaksinasi COVID-19 dan 48.8% juga telah mendapatkan dos kedua. Sementara itu, 70.6% rakyat dan penduduk negara ini telah menerima tiga dos vaksin.

3. Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, Kementerian Kesihatan terus membuat penganalisan *gene sequencing* bagi mengenalpasti jenis varian COVID-19 yang dikesan di negara ini walaupun dalam situasi sekarang di mana kes-kes harian telah menurun. Sejak awal bulan Januari 2022, sebanyak 1,593 sampel dari kes-kes positif COVID-19 telah melalui ujian *gene sequencing* di mana 87.9% daripada sampel-sampel berkenaan didapati daripada varian *Omicron*. Dalam pada itu, satu kes telah dikesan sebagai varian *Omicron BA.4*. Kes tersebut tiba di negara ini daripada Afrika Selatan pada 25 April 2022 dan hanya mempunyai simptom yang ringan. Pada masa ini, kes tersebut telahpun sembuh sepenuhnya. Secara global, jumlah kes varian *Omicron BA.1* dan *BA.2* adalah lebih tinggi dari jumlah kes varian *Omicron BA.4* dan *BA.5*. Oleh itu, kemasukan kes varian *Omicron BA.4* dan *BA.5* tidak dijangkakan akan menyebabkan peningkatan kes yang signifikan di negara ini. Dengan adanya kemasukan varian *Omicron BA.4* ini, orang ramai dinasihatkan untuk tidak merasa cemas atau khuatir. Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau perkembangan COVID-19. Disamping itu, orang

ramai adalah disarankan untuk mengikuti SOP-SOP yang ada pada masa sekarang.

4. Marilah kita semua memanjatkan doa agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat serta penduduknya sentiasa diberikan kesihatan, keselamatan dan petunjuk oleh Allah Subahanahu Wa Ta'aala dalam menjalani endemik ini. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 01 Zulkaedah 1443H / 01 Jun 2022